



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 6486
E-mel : ukk@kpdn.gov.my

PJRM MEGA AIDILFITRI BANTU RAKYAT TANGANI KOS SARA HIDUP

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkukuh agenda Malaysia MADANI melalui pelaksanaan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Mega Aidilfitri di negeri Pahang sebagai usaha membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup, khususnya dalam tempoh persediaan menyambut Aidilfitri yang lazimnya melibatkan peningkatan perbelanjaan isi rumah.

Bagi memastikan manfaat program ini dapat dinikmati secara lebih meluas oleh rakyat, KPDN Pahang telah merancang sebanyak 178 siri PJRM bertemakan Ramadan dan Aidilfitri di pelbagai lokasi strategik di seluruh negeri.

Sehingga 16 Mac 2026, sebanyak 133 program telah berjaya dilaksanakan, manakala 45 lagi program dijadualkan berlangsung sehingga 30 Mac 2026 bagi memastikan lebih ramai rakyat berpeluang mendapatkan barangan keperluan pada harga yang lebih berpatutan menjelang sambutan Aidilfitri.

Kemuncak program ini berlangsung di daerah Kuantan pada 17 dan 18 Mac 2026, masing-masing di Perkarangan Masjid Sultan Ahmad Shah, Sungai Isap Perdana serta di kawasan berhadapan Pasar Nelayan Pantai Sepat.

Secara keseluruhan, pelaksanaan PJRM Aidilfitri di Pahang setakat ini berjaya menarik kehadiran lebih 38,500 pengunjung dengan nilai jualan terkumpul mencecah RM4 juta, sekali gus membuktikan sambutan yang

amat menggalakkan daripada masyarakat terhadap inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Berbeza dengan pelaksanaan PJRM biasa, edisi Aidilfitri kali ini turut melibatkan penambahan beberapa Unit Simpanan Stok (SKU) yang menerima subsidi Kerajaan, khususnya bahan berkaitan penyediaan juadah dan kuih raya. Antara barangan tambahan yang ditawarkan termasuk **bahan asas pastri** seperti gula kastor, esen vanilla, serbuk penaik dan serbuk koko, serta **ramuan hiasan dan masakan** seperti badam, cip coklat, coklat makanan, cornflakes dan mentega masakan.

Inisiatif ini bertujuan membantu suri rumah serta pengusaha mikro kuih raya mendapatkan bahan mentah berkualiti pada harga lebih rendah berbanding pasaran, sekali gus mengurangkan beban perbelanjaan keluarga menjelang Aidilfitri.

Dalam masa yang sama, program ini turut diserikan dengan Majlis Serahan Sumbangan Zakat Wakalah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada golongan asnaf di Sungai Isap, Kuantan yang dianjurkan oleh SSM Negeri Pahang dengan kerjasama Pertubuhan Intelek dan Bestari Indera Mahkota.

Melalui inisiatif ini, seramai 100 penerima asnaf telah menerima bantuan yang terdiri daripada sumbangan tunai RM200 seorang serta satu set bakul makanan bernilai RM100, menjadikan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM30,000.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam memperkukuh jaringan kebajikan masyarakat, khususnya dalam membantu golongan yang memerlukan menjelang sambutan Aidilfitri.

Sehubungan itu, orang ramai khususnya warga Pahang digalakkan memanfaatkan peluang melalui Program Jualan Rahmah MADANI untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih berpatutan. KPDN akan terus komited memperluas inisiatif yang memberi manfaat langsung kepada rakyat selaras dengan usaha kerajaan menangani cabaran kos sara hidup.

YB SENATOR DATUK DR. HAJAH FUZIAH SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Kuantan, Pahang
17 Mac 2026

